



Perkhidmatan Bagi Manusia

ST. JOHN AMBULANS MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG

Penaung: T.Y.T. Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang
Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, S.M.N., D.U.P.N.,
S.P.D.K., D.P., D.M.P.N., D.J.N.

Presiden: Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang
Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon, P.S.M.

Pengerusi/Pemerintah Negeri: Dato' Dr. Yee Thiam Sun, D.S.P.N., K.M.N., D.J.N., P.K.T., P.J.M.,
MBBS (Agra), MCGP (Mal), FAFP (Mal), FACSM (USA), MSpCard (Rome), LFOM (Ire),
No. Tel: 04-6574404 (Rum); 012-4383363 (Bimbit)
E-mail: yeethiamsun@gmail.com

Setiausaha Kehormat Negeri: Dr. Tan Kean Chye
No. Tel: 04-2822606 (Rum); 016-4545629 (Bimbit)
E-mail: tkchye@yahoo.com



EN ISO 9001:2000
QA 04100 0806

Diiktirafkan oleh "The Malaysia Book of Records"
sebagai N.G.O. yang pertama di Malaysia
memperolehi pensijilan ISO 9002 dalam skop
"Latihan Pertolongan Cemas untuk Orang Awam"

PEKELILING NEGERI

Rujukan Kami: SJAM/PP/01/02/002 (2008-1)

30^{hb} Januari 2008

Kepada:

Semua Ahli Majlis

Semua Pegawai Turus Negeri / Kawasan / Divisi

Semua Guru Penasihat Sekolah Dengan Divisi SJAM

Y. Bhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

1. Pencalonan Bagi Kurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormat Negeri Pulau Pinang Tahun 2008

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bersempena Harijadi Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang yang ke-70 akan diadakan pada hari Sabtu 12 Julai 2008, Tuan Yang Terutama berkenan untuk mengurniakan darjah kebesaran, bintang dan pingat kehormatan negeri kepada mereka yang telah berjasa kepada Negara / negeri dalam apa jua lapangan. Maka dengan ini adalah dipelawa untuk mengemukakan pencalonan kepada calon-calon yang sesuai untuk pertimbangan menerima kurniaan Negeri Pulau Pinang.

Pencalonan boleh dibuat melalui SETIAP KAWASAN melalui Pemerintah Kawasan masing-masing. Borang pencalonan boleh didapati di Wisma St. John Ambulans Malaysia, Pulau Pinang, atau boleh di muat-turun (*down-load*) melalui Portal Pejabat Setiausaha Kerajaan di alamat <http://psuk.penang.gov.my>.

Borang pencalonan MESTI DIKEMBALIKAN kepada Pejabat Wisma St. John Ambulans Malaysia TIDAK LEWAT daripada 15hb Februari 2008 untuk pertimbangan Jawatankuasa Pengurniaan Anugerah.

2. Penjualan Kemeja-T St. John Ambulans Malaysia dan Barangan Eksesori Uniform

Untuk makluman semua ahli dan pegawai SJAM, ibupejabat kebangsaan telah memutuskan bahawa kemeja-t SJAM dan barangan uniform yang lain hanya boleh dibeli melalui ibupejabat SJAM negeri masing-masing. Kemeja-t SJAM dan barangan uniform kini boleh diperolehi di Wisma SJAM Pulau Pinang. Harga-harga untuk kemeja-t adalah seperti berikut:

	Lengan Pendek	Lengan Panjang
Saiz S, M, L	RM 11.00	RM 13.00
Saiz XL, XXL	RM 11.50	RM 13.50

Satu katalog / senarai harga barangan uniform akan dipaparkan di laman web (www.sjampenang.org.my) pada masa akan datang. Senarai harga ini juga boleh diperolehi di Wisma SJAM.

3. Kursus Pertolongan Cemas Lanjutan (Advanced First Aid Course)

Kursus Pertolongan Cemas Lanjutan akan dianjurkan oleh Jawatankuasa Jurulatih-jurulatih, SJAM Pulau Pinang dari 1hb-4hb Mei 2008. Kursus ini bakal melatih peserta-peserta menjadi jurulatih pertolongan cemas yang disahkan oleh SJAM. Butir-butir adalah seperti berikut:

Tarikh : 1hb – 4hb Mei, 2008
Tempat : Wisma SJAM Pulau Pinang
Yuran kursus : RM 300 (bukan ahli SJAM)
RM 100 (ahli SJAM)

Kelayakan penyertaan : Berumur 16 tahun dan ke atas
Mempunyai sijil Pertolongan Cemas Asas yang sah
Sijil Pertolongan Cemas (Persijilan semula)

Penyertaan kini dibuka. Sesiapa yang berminat, sila berdaftar dengan Pejabat Wisma SJAM. Untuk maklumat selanjutnya, sila menghubungi Dr. Sham Kumar (012-4883004) atau En. Khor Sin Wah (016-4943963).

4. Rumah Terbuka Tahun Baru Cina anjuran SJAM Pulau Pinang, Kawasan Timur Laut

SJAM Pulau Pinang, Kawasan Timur Laut akan menganjurkan "Rumah Terbuka" sempena Tahun Baru Cina dengan tujuan untuk memupuk semangat silaturrahim antara semua ahli dan pegawai SJAM. Buti-butir adalah seperti berikut:

Tarikh : 1hb Mac 2008 (Sabtu)
Masa : 7.00 malam
Tempat : Wisma SJAM Pulau Pinang

Semua ahli dan pegawai adalah dijemput. Jawatankuasa Penganjur mengalu-alukan sebarang sumbangan untuk memeriahkan lagi aktiviti ini. Sebarang pertanyaan, sila menghubungi En. H'ng Swee Yeng (012-4943625) atau Pn. Mar Chiew Foon (019-4298629).

5. Pertandingan Pertolongan Cemas & Perawatan Peringkat Negeri 2008

Pertandingan Pertolongan Cemas & Perawatan Negeri 2008 julung kali akan diadakan di Universiti Sains Malaysia sempena menyambut ulangtahun ke-20 St. John Ambulans Malaysia, Kor Universiti Sains Malaysia (SJAMUSM). Butir-butir pertandingan adalah seperti berikut:

- i) Ceramah & Pertandingan Ujian Bertulis
Tarikh : 9hb Mac 2008 (Ahad)
Masa : 9.00am
Tempat : Wisma SJAM Pulau Pinang
- ii) Pertandingan Kawat Kaki
Tarikh : 16hb Mac 2008 (Ahad)
Tempat : Universiti Sains Malaysia
- iii) Pertandingan Kes Panjang, Kes Pendek
Tarikh : 16hb Mac 2008 (Ahad)
Tempat : Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Sains Malaysia
- iv) Pertandingan Perawatan Di Rumah
Tarikh : 16hb Mac 2008 (Ahad)
Tempat : Pusat Kesihatan, Universiti Sains Malaysia

6. Kegunaan Kemudahan di Wisma SJAM Pulau Pinang

Untuk maklumat semua, kemudahan-kemudahan di Wisma SJAM seperti bilik mesyuarat, dewan, gelanggang badminton dan lain-lain adalah untuk kegunaan semua ahli. Tempahan boleh dibuat melalui pejabat.

Untuk tujuan keselamatan, pintu pagar Wisma SJAM akan ditutup pada sebelah malam. Namun demikian, sesiapa yang hendak menggunakan kemudahan Wisma SJAM pada waktu malam seperti mengadakan mesyuarat boleh membuat tempahan melalui pejabat supaya pintu pagar dibuka pada waktu malam.

7. Upcoming Activities / Events

- i) **State First Aid & Home Nursing Competition 2008**

The 2008 State First Aid & Home Nursing Competition will be held as follow:

Date : 9th March 2008 (Written and Footdrill Competition)
16th March 2008 (Home Nursing, Long and Short Cases Competition)
Venue : To be announced

Categories: Ambulance Cadet
Ambulance Adult
Nursing Cadet
Nursing Adult

Announcement: Circulars will be sent to all schools
Further information will be released at www.sjampenang.org.my
Officers in-charge: Mr. Khoo Teng Giap (016-4674950)
Dr. Tan Kean Chye (016-4545629)

8. Report on Recent Activities

i) Hand-over Ceremony of the 2 Medic Bikes

The hand-over ceremony was held on 11th December 2007 at our Headquarters. Our State Commander, Dato' Dr. Yee Thiam Sun received 2 Medic Bikes on behalf of SJAM. The 2 Medic Bikes were sponsored by Dato' Syed Mohamed Aidid b. Syed Murtaza, Chairman of MODENAS and Datuk Peter Teoh, Managing Director of Passion Trading Sdn. Bhd.

During the ceremony, Dato' Dr. Yee also handed over the appointment letter from National Headquarters to Dato' Syed Mohamed Aidid, for being appointed as our State Deputy President of SJAM Penang.

Saya mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru 2008 dan Selamat Tahun Baru Cina untuk mereka yang menyambut perayaan ini.

Sekian, terima kasih.

“PERKHIDMATAN BAGI MANUSIA”

Saya yang menjalankan tugas,



(Dr. TAN KEAN CHYE)

Setiausaha Kehormat Negeri,
St. John Ambulans Malaysia,
Negeri Pulau Pinang.

s.k.

1. Y.A.B. Tan Sri Presiden, St. John Ambulans Malaysia, Negeri Pulau Pinang.
2. Pemerintah Negeri, St. John Ambulans Malaysia, Negeri Pulau Pinang.
3. Setiausaha Agung Kehormat, St. John Ambulans Malaysia.
4. Pengerusi Rancangan Kokurikulum SJAM, PBSM, KLKM, Universiti Sains Malaysia.